

20 FEB 2003

NAM-Siti Hasmah (Aman)/I

SITI HASMAH GESA RAKYAT M'SIA TUNJUK SOKONGAN KEMPEN KEAMANAN

PUTRAJAYA, 20 Feb (Bernama) -- Di tengah kerancakan seluruh dunia menyuarakan sentimen keamanan dan anti perang, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali telah menggesa semua rakyat Malaysia menunjukkan sokongan mereka bagi keamanan, semasa Perhimpunan Aman Malaysia Ahad ini.

Isteri Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia merupakan sebuah negara kecil yang suaranya sukar didengari, ia merupakan satu kempen berharga untuk memberitahu dunia tentang pandangan dan sokongan rakyat Malaysia terhadap sebuah dunia yang aman.

Perhimpunan di Stadium Nasional Bukit Jalil itu adalah anjuran Perikatan Rakyat Malaysia Untuk Keamanan (Aman Malaysia).

"Kita hendak meluahkan perasaan kita sebagai orang Malaysia bahawa kita bersimpati dengan negara-negara lain yang menderita akibat peperangan atau persengketaan antara satu sama lain.

"Dan kita tidak mahu keadaan itu berterusan kerana banyak (nyawa) yang terkorban dan ini, bila kita fikirkan, semuanya adalah tidak adil kepada satu-satu negara yang lemah diserang oleh satu kuasa yang besar dan juga keganasan yang berlaku di Palestin," katanya kepada Bernama pada satu temubual di Seri Perdana, di sini hari ini.

Beliau berkata Malaysia mengharapkan kuasa besar dunia supaya mendengar luahan perasaan dan rintihan mereka yang cintakan keamanan di seluruh dunia termasuk di negara ini untuk menghentikan keganasan dan apa jua rancangan untuk berperang.

Sambil mengharapkan semua rakyat Malaysia akan bersama-sama kerajaan dan organisasi yang menganjurkan kempen keamanan itu, Dr Siti Hasmah berkata tidak ada seorang atau sesiapa pun akan untung, malahan semuanya akan rugi jika berlaku peperangan.

Beliau menyatakan rasa gembriannya bahawa rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi, telah menunjukkan minat dalam mencapai objektif kempen keamanan itu.

Semasa perhimpunan itu yang dijangka dihadiri beratus ribu rakyat, satu deklarasi oleh rakyat Malaysia dalam menokong keamanan dunia, akan disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir dijangka akan mengemukakan deklarasi itu kepada ketua-ketua negara dan kerajaan yang menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang dimulakan hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dengan mesyuarat para pegawai kanan. Sidang kemuncak sebenar ialah pada Isnin dan Selasa.

Dr Siti Hasmah berkata rakyat Malaysia patut sama-sama berdiri menyuarakan dengan lantang perkataan "TIDAK" untuk peperangan dan mereka juga harus menentang kemungkinan serangan terhadap Iraq dan keganasan yang berlaku terhadap rakyat Palestin.

Wanita pertama negara itu juga berkata bahawa beliau meluat dengan mereka yang menjaja mengenai hak asasi manusia tetapi tidak mengamalkan perkara itu serta tindakan pilih kasih dan pembohongan kuasa besar.

Ibu kepada tujuh anak dan nenek kepada 15 cucu itu berkata adalah menyedihkan perkara ini berlaku dalam era modern dunia.

Beliau berkata kaum ibu Malaysia seharusnya berkongsi perasaan dengan wanita Palestin dan kaum wanita lain di kawasan-kawasan yang dilanda perang di seluruh dunia.

"Letakkan diri anda di tempat wanita Palestin dan kawasan yang dilanda konflik di Bosnia, Kosovo, Afghanistan. Anda akan merasai apa yang

dirasakan mereka.

"Anda tentunya tidak mahu melihat anak anda ditembak mati atau kanak-kanak ditembak di mata, di kaki dan semasa di sekolah. Mereka tidak boleh ke sekolah dan ada yang pergi ke sekolah dalam ketakutan. Kita tidak mahu anak-anak kita menghadapi keadaan serupa," katanya.

Dr Siti Hasmah jelas sedih dengan konflik yang tiada akhirnya di Asia Barat serta prospek perang terhadap Iraq dan berharap semua ibu, termasuk kaum ibu Israel dan Palestin, bersatu dalam menjayakan satu kempen keamanan di kalangan ibu-ibu di seluruh dunia.

"Ibu adalah ibu. Mungkin satu kempen keamanan boleh membantu mengurangkan ketegangan ini dan penggalakan perang menggantikan keamanan,"katanya.

Sambil menyatakan keyakinan bahawa ibu-ibu Malaysia akan bersetuju terhadap kempen seumpama itu, beliau percaya terdapat kaum ibu di Israel dan Palestin yang menganggotai forum di luar negara masing-masing menyokong bagi sebuah dunia yang aman.

"Saya yakin terdapat kaum wanita di Palestin dan Israel yang mempunyai keinginan untuk menikmati suasana aman. Jadi kenapa tidak kita menggalakkan mereka berbuat demikian dan kita dari sini boleh memberikan mereka sokongan,"katanya.

-- BERNAMA

HS MAM RON